

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**  
**[ GERIK ]**

**SOALAN : Dato' Hasbullah Bin Osman [ Gerik ] minta**  
**MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian  
Malaysia terhadap sekatan sementara Amerika  
Syarikat (AS) terhadap 7 negara majoriti Muslim  
daripada memasuki ke negara itu.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gerik di atas soalan beliau.

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, terdapat pelbagai reaksi daripada masyarakat antarabangsa selepas pengumuman berhubung Arahan Eksekutif yang melarang wargenegara daripada tujuh (7) negara majoriti Islam iaitu Iran, Iraq, Yaman, Syria, Somalia, Libya dan Sudan memasuki Amerika Syarikat, yang dikeluarkan pada 26 Januari 2017.

3. Menurut pihak Amerika Syarikat, arahan tersebut adalah berlandaskan "*To Make America Safe*", dengan izin, dan bertujuan untuk melindungi negara berkenaan daripada ancaman kumpulan pengganas dan ekstremis memasuki negara tersebut.

4. Malaysia tidak tersenarai dan tidak terkesan dengan arahan yang telah dikeluarkan oleh pentadbiran Presiden Trump. Kementerian Luar Negeri juga telah mendapatkan pengesahan Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur bahawa tiada halangan bagi rakyat Malaysia memasuki negara tersebut asalkan mereka yang ingin melawat atau memasuki Amerika Syarikat mempunyai visa yang sah dan dokumen perjalanan yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Arahan Eksekutif tersebut adalah urusan dalaman Amerika Syarikat. Dalam hal ini, Malaysia berpendapat bahawa pengeluaran arahan tersebut adalah hak pentadbiran negara berkenaan dan merupakan tindakan yang mereka fikirkan perlu untuk menjaga kestabilan dan keamanan dalaman negara mereka.

Sekian, terima kasih.